

REJIMEN ASKAR WATANIAH

SEJARAH

Pada tahun 1861, unit sukarela Tentera Darat negeri-negeri Selat telah ditubuhkan di Pulau Pinang dengan nama *Penang Volunteers*. Unit sama juga telah ditubuhkan di Singapura dengan nama *Singapore Volunteers*. Pada tahun 1902, Negeri-negeri Melayu Bersekutu yang terdiri daripada Perak, Negeri Sembilan, Selangor dan Pahang telah mula menubuhkan unit sukarelanya sendiri yang dikenali sebagai *Malay State Volunteer Rifles*. Pasukan sukarela ini kemudian terus berkembang dengan penubuhan beberapa pasukan baru seperti di Negeri-negeri Melayu Bersekutu yang dipanggil *Federated Malay States Volunteer Force*. Pasukan Sukarela di Negeri Melayu Tidak Bersekutu pula dipanggil *Unfederated Malay States Volunteer Force* dan di Negeri-Negeri Selat pula ialah *The Straits Settlement Volunteer Force*.

Pasukan-pasukan Sukarela telah memainkan peranan yang begitu penting terutamanya semasa dalam Perang Dunia Kedua, Darurat 1948-1960 dan Konfrontasi 1964. Setelah tercetusnya Perang Dunia Kedua, kesemua unit-unit sukarela ini telah diaturgerak dan berganding bahu bersama-sama pasukan tentera tetap dari Britain, India dan Australia untuk mempertahankan Tanah Melayu dan Singapura.

Selepas Perang Dunia Kedua tamat, pasukan-pasukan sukarela yang telah wujud sebelum ini telah diaktifkan semula. Semasa berlakunya Darurat Tanah Melayu pada tahun 1948, satu pasukan sukarela iaitu Pasukan Kawalan Kampung (Home Guard) telah ditubuhkan. Pasukan Kawalan Kampung ini telah memainkan peranan yang penting sepanjang tempoh darurat tersebut.

Pasukan Kawalan Kampung (Home Guard) ini telah dibubarkan pada tahun 1958 setelah keadaan keselamatan telah berjaya dikawal dan dipulihkan. Bagaimanapun, memandangkan ramai bekas anggota Pasukan Kawalan Kampung mahu terus menyumbang khidmat sukarela, Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu telah mengambil keputusan untuk menyusun semula pasukan sukarela supaya ia lebih tersusun dan berkesan. Oleh itu, Ordinan Tentera Darat Simpanan telah digubal pada 1958. Dengan kuasa ordinan ini, sebuah pasukan sukarela yang baru yang dikenali dengan nama Askar Wataniah telah ditubuhkan secara rasmi pada 1 Jun 1958.

BAHAGIAN PASUKAN SIMPANAN (BPS)

Bahagian Pasukan Simpanan (BPS) merupakan Bahagian di bawah Markas Tentera Darat dan bertanggungjawab dalam hal-hal Pasukan Simpanan Tentera Darat. BPS tidak mempunyai sebarang pasukan di bawah perintah. Semua pasukan AW diletakkan di bawah perintah Markas Formasi setempat. BPS hanya mempunyai kuasa teknikal dalam hal-hal perancangan dan pembangunan, latihan, pentadbiran, perundangan, logistik dan juga kewangan.

ORGANISASI BPS

Pasukan Askar Wataniah ditadbir oleh Bahagian Pasukan Simpanan Markas Tentera Darat. Bahagian ini diketuai oleh Asisten Panglima Pasukan Simpanan (AP PS), seorang Ketua Pengarah dan seorang Pengarah Rancang dan Pembangunan.

Mengikut organisasi semasa, BPS mempunyai beberapa sel yang terdiri daripada Sel Pengurusan, Sel Tadbir, Sel Rancang, Sel Latih, Sel Belanjawan, dan Sel Logistik. Organisasi BPS adalah sangat penting bagi menjamin pembangunan dan perkembangan Askar Wataniah.

PERKHIDMATAN AW

Terdapat tiga perkhidmatan dalam Askar Wataniah iaitu Sukarela, Penugasan Sepenuh Masa dan Tauliah Kehormat.

Sukarela terdiri daripada orang-orang awam yang menyertai TD secara sukarela untuk berkhidmat dalam AW Malaysia. Mereka memainkan peranan yang sangat penting alam menjadi pengganti kepada angkatan tetap pada masa-masa tertentu.

Penugasan Sepenuh Masa pula terdiri dari semua pegawai dan anggota sukarela yang berkhidmat sepenuh masa secara individu apabila timbul keperluan tertentu iaitu keperluan untuk mengisi perjawatan unit-unit kerahan dan juga keperluan untuk mengisi perjawatan anggota tetap

Tauliah Kehormat terdiri daripada Kerabat DiRaja, Kakitangan Awam dan Swasta yang diberi Tauliah Kehormat berasarkan pengaruh dan dapat membantu pembangunan Askar Wataniah. Tauliah Kehormat dikurniakan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kepada individu-individu yang difikirkan sesuai.

VISI

Visi Askar Wataniah adalah membangunkan Pasukan Simpanan Tentera Darat yang kredibel dan seimbang. Oleh itu, penyertaan rakyat dalam Askar Wataniah merupakan satu sumbangan murni bagi menyahut seruan pertiwi.

MISI

Misi Askar Wataniah adalah membantu ganti angkatan tetap semasa perang atau darurat dan membantu pihak berkuasa awam semasa bencana alam.

PERANAN

Sejajar dengan misi tersebut, Askar Wataniah berperanan untuk membantu ganti angkatan tetap Tentera Darat di masa darurat atau peperangan, membantu angkatan tetap dalam operasi keselamatan dalam negeri dan membantu pihak berkuasa awam semasa bencana alam.

TUGAS

Bersesuaian dengan peranan-peranan AW, maka tugas yang mampu dilaksanakan oleh AW adalah bersedia untuk diaturgerak dan membantu ganti Angkatan Tetap untuk melaksanakan misi-misi tertentu. AW juga ditugaskan untuk membantu

pertahanan tempatan di sesuatu sektor dan mengadakan pertahanan kepada sasaran dan instalasi penting dan kawasan-kawasan penentuan. Seterusnya, AW juga ditugaskan untuk mengadakan tenaga pengganti kepada Angkatan Tetap dan melaksanakan kegiatan anti-penjajahan serta bertindak sebagai agensi perisikan. Selain itu, AW juga bertanggungjawab untuk mengendali dan menyelenggara perkhidmatan penting apabila dikehendaki serta melindungi dan menyelenggara jalur komunikasi.

OPERASI

Tentera Darat Malaysia telah mengaturgerak pasukan Askar Wataniah bagi membantu angkatan tetap melaksanakan operasi. Antaranya adalah :

1. OP MURNI – Op Murni iaitu operasi yang melibatkan anggota tentera dalam kerja-kerja kebajikan masyarakat. Tentera Darat Malaysia` mengatur gerak aset dan anggotanya di kawasan yang terlibat di seluruh Malaysia bagi penugasan Op Murni untuk menghulurkan bantuan kepada mangsa bencana alam.
2. OP PENAWAR – Selepas Perintah Kawalan Pergerakan diumumkan, Angkatan Tentera Malaysia melancarkan Op Penawar. Op Penawar merupakan penugasan Angkatan Tentera Malaysia bagi membantu pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM) melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Covid-19.

ELEMEN-ELEMEN AW

Askar Wataniah dibahagikan kepada beberapa elemen. Setiap elemen mempunyai tugas masing-masing dalam membantu angkatan tetap. Elemen tersebut adalah Pasukan Tempur yang terdiri daripada Rej Siri 500 AW dan Kor Armor DiRaja (AW), Pasukan Bantuan Tempur pula terdiri daripada unit-unit AW dari Rej Askar Jurutera Diraja, Rej Artileri DiRaja, Rej Semboyan DiRaja, Kor Polis Tentera DiRaja dan Kor Risik Diraja. Manakala, Pasukan Bantuan Perkhidmatan terdiri daripada unit-unit AW dari Kor Perkhidmatan DiRaja, Kor Kesihatan DiRaja, Kor Ordnans DiRaja dan Kor Jurutera Letrik dan Jentera DiRaja. Seterusnya, Pasukan Pakar adalah Psk Pakar AW daripada Rej Semboyan DiRaja iaitu Rejimen Semboyan Pakar Telekom (RSPT) dan Psk Pakar AW daripada Rej Askar Jurutera DiRaja iaitu Rej Pakar Perlabuhan RAJD AW, Rej Pakar Keretapi RAJD AW, Rej Pakar Air RAJD AW dan Rej Pakar Janaelektrik RAJD AW. Kesemua unit Askar Wataniah ini berperanan untuk melahirkan Pegawai dan Anggota Sukarela AW yang mampu membantu ganti tugas dan tanggungjawab Anggota Tetap mengikut elemen dan kor masing-masing.

1. PASUKAN TEMPUR

- a. Rej Siri 500 AW – Rej Siri 500 AW ditugaskan untuk bersedia pada bila-bila masa untuk diaturgerak bagi membantu ganti tugas Anggota Tetap melaksanakan misi-misi tertentu. Terdapat 16 rejimen Siri 500 AW di seluruh Malaysia pada ketika ini.
- b. Skn Armor AW - Skn Armor AW ditugaskan untuk bersedia untuk diaturgerakkan bagi membantu melaksanakan tugas mengesan, mengenal

pasti dan mengganggu musuh melalui operasi ofensif, defensif, tinjauan dan operasi keselamatan.

2. PASUKAN BANTUAN TEMPUR

- a. Skn RAJD AW ditugaskan untuk membantu ganti kepada Anggota Tetap RAJD dalam tugas *Mobility, Counter Mobility* dan *Survivability*
- b. Bateri RAD AW ditugaskan untuk memberi bantuan tembakan ataupun tugas lain apabila diperlukan semasa aman dan perang..
- c. Skn AW Rejimen Semboyan Divisyen Infanteri ditugaskan untuk membantu Anggota Tetap menyedia, mengendali dan menyelaras keperluan komunikasi taktikal kepada pasukan-pasukan.
- d. Kompeni KPTD AW ditugaskan untuk membantu Anggota Tetap dalam penguatkuasaan undang-undang, Bantuan Manuver dan Mobiliti serta keselamatan fizikal.
- e. Kompeni Perisikan Divisyen AW ditugaskan untuk mendapatkan, menganalisa dan menyampaikan data perisikan yang diperlukan kepada pihak-pihak tertentu.

3. PASUKAN BANTUAN PERKHIDMATAN

- a. Pasukan KPD AW ditugaskan untuk membantu menyediakan perkhidmatan pengangkutan barisan kedua, ketiga dan keempat untuk kegunaan operasi TD.
- b. Kompeni Perubatan Medan AW ditugaskan untuk membantu meningkatkan keupayaan perkhidmatan kesihatan ATM.
- c. KOD AW ditugaskan untuk membantu depot-depot teknikal Ordnans dan Membantu PBA semasa bencana alam
- d. Woksyop Medan AW (Jurutera Letrik dan Jentera) ditugaskan untuk bersiap sedia dikerahkan bagi membantu woksyop-woksyop medan KJLJD dalam menampung dan menyokong kekuatan Anggota Tetap apabila diperlukan.

4. PASUKAN PAKAR

- a. Pasukan Pakar Semboyan AW - 56 Rejimen Semboyan Pakar Telekom (RSPT) AW - Memastikan keupayaan dan kesiagaan rejimen berada di tahap yang mampu untuk di aturgerak sekiranya situasi memerlukan.
- b. Pasukan Pakar Jurutera AW - 40 Rejimen Pakar Pelabuhan RAJD AW - Mengenal pasti pelabuhan-pelabuhan yang akan beroperasi semasa darurat dengan mengambil kira kadar *handling rate* bagi kontena dan konvensional (kargo).

- c. Pasukan Pakar Keretapi AW - 50 Rejimen Pakar Keretapi RAJD AW - Mengurus, membangun dan mengekalkan kesiapsiagaan rejimen/subunit di bawah pemerintahan. Mengumpul data berkaitan perkhidmatan keretapi di dalam perisikan jurutera.
- d. Pasukan Pakar Air AW - 60 Rejimen Pakar Air RAJD AW - Memulih, mengendali dan menyelenggara aset serta sistem bekalan air negara dalam apa jua kondisi serta Melaksanakan fungsi dan misi bantuan pengagihan air bersih melalui syarikat-syarikat bekalan air.
- e. Pasukan Pakar Janaelektrik AW - 70 Rejimen Pakar Janaelektrik AW - Membantu pihak kerajaan untuk memastikan bekalan tenaga elektrik terus dapat dibekalkan di tempat-tempat penting semasa berlaku kecemasan.

5. PASUKAN LATIHAN PEGAWAI SIMPANAN (PALAPES)

Berperanan Menyediakan Pegawai-Pegawai Kadet yang berpotensi sebagai Pegawai Sukarela AW. PALAPES ditugaskan dalam Pembentukan kepimpinan dan karektor sebagai pegawai tentera dengan mengadakan latihan asas ketenteraan mengikut silibus yang telah ditetapkan pada tahun pertama pengajian.

LATIHAN

Seluruh warga Askar Wataniah akan diberikan pendedahan kepada tugas dan tanggungjawab sebenar anggota tentera melalui latihan-latihan ketenteraan. Terdapat tiga kategori latihan ketenteraan Askar Wataniah iaitu Latihan Tempatan, Latihan Berterusan dan Latihan Kem Tahunan. Latihan-latihan ini dilatih oleh jurulatih-jurulatih angkatan tetap yang berpengalaman dan terlatih.

1. LATIHAN TEMPATAN.

Latihan Tempatan adalah apa jua jenis latihan dan perbarisan tempatan seperti yang ditetapkan oleh Timbalan Komander atau Pegawai Memerintah

2. LATIHAN BERTERUSAN

Latihan Berterusan bermaksud Latihan iaitu semua jenis latihan yang dirancang oleh pasukan untuk meningkatkan kemahiran individu atau sesuatu kumpulan

3. LATIHAN KEM TAHUNAN

Latihan Kem Tahunan akan dijalankan sekaligus selama maximum 15 hari berterusan dalam setahun. Walaubagaimanapun, latihan ini boleh dijalankan kepada beberapa sesi atau modul.

PENGAMBILAN

Penglibatan anggota masyarakat dalam pasukan Askar Wataniah amat digalakkan. Warganegara berumur 18 tahun ke atas dan sihat tubuh badan boleh menyertai pasukan sukarelawan Askar Wataniah ini. Pengambilan Askar Wataniah dilaksanakan oleh semua unit Askar Wataniah di seluruh Malaysia pada sebilang masa. Penglibatan itu amat penting dalam membantu mempertahankan negara

ketika diperlukan. Ia dapat memberikan kekuatan tambahan kepada pasukan tentera kerana masyarakat setempat lebih memahami kawasan sendiri jika tugasannya berada dalam lingkungan kawasan harian. Peluang menganggotai Askar Wataniah memberikan pendedahan kepada tugasannya dan tanggungjawab sebenar anggota tentera. Rakyat yang mempunyai jiwa patriotik adalah amat digalakkan untuk bersama-sama Angkatan Tentera Malaysia dalam mempertahankan serta membangunkan negara tercinta.

ELAUN

Satu kelebihan Askar Wataniah adalah kepelbagaian skim elaun yang disediakan. Elaun tersebut adalah Elaun Latihan Tempatan yang dibayar mengikut kehadiran Latihan Tempatan. Latihan Berterusan dan Latihan Kem Tahunan pula dibayar elaun mengikut pangkat yang disandang. Lain-lain elaun adalah Elaun Pakar, Elaun Senggaraan Pakaian, Elaun Pakaian Istiadat, Elaun Pakaian Tauliah Kehormat dan lain-lain.

PENUTUP

Sebagai sebuah negara yang pesat membangun dan berwawasan, penglibatan rakyat dan semua pihak adalah amat perlu dalam pembangunan serta pertahanan negara. Pasukan AW telah ditubuhkan seiring dengan keperluan perkhidmatan dalam Angkatan Tentera Malaysia amnya dan Tentera Darat khususnya. Pembangunan AW adalah seiring dengan pembangunan TD. Apa yang penting adalah komitmen individu yang telah menyahut cabaran ini jujur dan rela hati ingin berbakti kepada ibu pertiwi.